

27/11/1999

Persatuan industri aeroangkasa ditubuh

Ebi Azly Abdullah

PAMERAN Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima 99) yang bermula Selasa ini bakal menyaksikan penubuhan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA).

Buat permulaannya, MAIA akan dianggotai 20 firma aeroangkasa tempatan diketuai Airod Bhd (Airod). Jumlah itu dijangka meningkat apabila industri penerbangan tempatan berkembang maju.

Presiden Aerospace Industries Malaysia (AIM), Datuk Seri Yunos Tasi berkata, selain Airod, antara firma tempatan lain yang menjadi anggota perintis MAIA ialah Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Aerospace Technology Systems Corp (ATSC) dan SME Aviation Sdn Bhd.

"Ketika ini, sebahagian besar anggota MAIA adalah kerabat AIM sendiri, tetapi saya yakin dengan pembangunan pesat industri penerbangan tempatan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, jumlah itu sudah tentunya meningkat," katanya kepada Berita Harian di Subang, semalam.

Cadangan penubuhan MAIA disifatkan sebagai seiringan dengan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Kebangsaan, yang menyenaraikan 45 cadangan serta strategi khusus ke arah mencapai matlamat mewujudkan industri aeroangkasa berwibawa menjelang 2015.

Dilancarkan ketika Lima 97, kertas dasar itu antara lain merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA), serta peningkatan taraf Jabatan Penerbangan Awam (DCA) kepada Lembaga Penerbangan Malaysia (MAA).

Yunos yang juga Timbalan Pengerusi MAIA, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan persatuan berkenaan pada hari ketiga Lima 99 minggu depan.

Pengerusi AIM, Tan Sri Ahmad Johan yang juga Presiden Airod, bakal mengetuai persatuan berkenaan.

Beliau berkata persatuan berkenaan boleh membantu anggotanya dalam melaksanakan program pembangunan industri yang memanfaatkan negara pada tempoh jangka panjang.

"Ini bermakna, setiap perancangan dilakukan secara berhati-hati dan dengan mengambil kira kemampuan syarikat terbabit. Ini berbeza sebelumnya, dengan setiap syarikat melakukan program mengikut kehendak masing-masing," katanya.

Buat masa ini, katanya, tumpuan utama ialah untuk meningkatkan pengeluaran komponen pesawat yang seterusnya akan membawa kepada pengeluaran badan, dan keseluruhan pesawat.

"Industri komponen adalah sesuatu yang besar di seluruh dunia, dan kerajaan yakin kita boleh memperolehi sesuatu daripadanya," katanya.

(END)